



KPPM/01/08

19 November 2001

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 12/2001 :**  
**Gerakan Membaca DI Sekolah-sekolah Melalui**  
**Persatuan Perpustakaan Sekolah Peringkat Negeri**

Kementerian Pendidikan sememangnya memandang serius terhadap pembangunan dan peranan perpustakaan atau pusat sumber di sekolah-sekolah dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kementerian percaya bahawa melalui program-program dan aktiviti-aktiviti perpustakaan/pusat sumber sekolah yang terancang dan berterusan, usaha-usaha pemupukan tabiat membaca sebagai teras budaya ilmu dan pendidikan sepanjang hayat boleh diterapkan secara berkesan di kalangan warga pendidik, pelajar-pelajar dan murid-murid.

2. Selaras dengan hasrat mempergiatkan gerakan membaca melalui aktiviti-aktiviti perpustakaan/pusat sumber sekolah, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan setiap Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tindakan menubuhkan **Persatuan Perpustakaan Sekolah Peringkat Negeri** jika persatuan seumpama itu masih belum diwujudkan di negeri masing-masing. Tujuan utama penubuhan persatuan tersebut ialah untuk menyelaraskan dan meningkatkan peranan dan aktiviti perpustakaan/pusat sumber sekolah di semua negeri. Seperti arahan yang dikeluarkan melalui surat KPPM/01/07 bertarikh 15 Oktober 2001, penubuhan persatuan perpustakaan tersebut hendaklah direalisasikan selewat-lewatnya pada bulan Januari 2002.

3. Dengan tertubuhnya persatuan perpustakaan di setiap negeri, Kementerian berharap agar semua persatuan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan selaras dengan hasrat yang dinyatakan di atas. Untuk memastikan persatuan boleh memainkan peranan secara berkesan, beberapa perkara perlu diberi perhatian, antaranya Persatuan Perpustakaan Sekolah Peringkat Negeri hendaklah :-


- i. Mempunyai bilangan ahli yang ramai dan munasabah. Bagai tujuan ini pengetua dan guru besar diminta sentiasa memberi galakan supaya semua guru menjadi ahli persatuan.
- ii. Sentiasa berusaha menyelaraskan, memantapkan dan mengedarkan pelbagai panduan dan maklumat tentang program dan aktiviti perpustakaan/pusat sumber sekolah dan bacaan yang dilaksanakan di setiap negeri.
- iii. Mengadakan berbagai-bagai program dan aktiviti galakan membaca sama ada di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri seperti Sesi Bercerita, Bicara Buku, Kuiz, Minggu Membaca, Pameran, Laluan Ilmu, Sudut Bacaan, Laluan Iqra, Bacaton dan seumpamanya; dan

- iv. Melibatkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak, khususnya Perpustakaan Awam dalam melaksanakan berbagai-bagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan gerakan membaca di peringkat sekolah, daerah atau negeri masing-masing dari semasa ke semasa.

4. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pegawai Pendidikan Bahagian/Daerah, pengetua dan guru besar sekolah untuk tindakan di peringkat institusi masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
  11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia